

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Masalah.

Jatuhnya Parti Kongres di India pada 1996 menandakan tamatnya penguasaan yang melewati satu abad penguasaan parti berkenaan dalam pemerintahan kerajaan India. Belum ada sebuah parti yang dapat memerintah dengan begitu lama melalui proses demokrasi.¹ Kini UMNO² telah mengambil alih posisi berkenaan sebagai salah sebuah parti politik yang memerintah Malaysia melewati setengah abad. Sejak ditubuhkan pada 11 Mei 1946 hingga kini UMNO telah menempuh liku-liku yang panjang.³ Setelah lebih

¹ Parti Kongres atau *Indian National Congres* telah ditubuhkan pada 1885 (Gopal 1963: 271-308, McLane 1970: 39-41 dan Sihombing 1953: 86-87). Idea pertama untuk membentuk sebuah parti politik di India dengan nama *Indian National Congres* datangnya dari Allan Octavian Hume, seorang pegawai Inggeris di *Indian Civil Service*. Ketua Kongres pertama adalah W.C. Bannerji (Sihombing 1953: 86-87). Parti Kongres nampaknya identik dengan Dinasti Ghandi, sehingga kejatuhan Kongres dikaitkan dengan tiadanya keturunan Ghandi yang berkemampuan menjadi teraju utama parti Kongres. Melalui proses demokrasi Parti Kongres diterima oleh masyarakat India sejak sekian lama. Walau pun parti-parti berhaluan kiri, perkauman dan relegi menjadi saingannya tetapi Kongres tetap mendahului melalui proses demokrasi. Proses demokrasi di sini membawa maksud tiada paksaan, tanpa melibatkan militer-bebas memilih (S.P Varma 1992:213-214). Tentang demokrasi lihat juga Mahyiddin (1987: 122).

² UMNO adalah singkatan United Malays National Organization atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR). Singkatan pertama akan digunakan untuk kajian ini.

³ Pada awalnya singkatan UMO (United Malays Organisation) telah dicadangkan oleh Haji Anuar Haji Abdul Malek, salah seorang Ahli Lembaga Kesatuan Melayu Johor dan Persatuan Melayu Johor. Cadangan telah diutarakan pada 22 Januari 1946 dalam perbincangan dengan Dato' Onn, Noah Omar, Syed Abdul Rahman Ahmad dan Syed Alwee Al-Hadi di rumah Noah Omar (Abdullah Ghazali 1996: 28-29). Pada 1 hingga 4 Mac 1946 dalam Kongres Melayu SeMalaya Pertama (Abdullah Ghazali 1996: 27-31) yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, UMNO telah dibentuk. Zaba seorang pemimpin persatuan Melayu Selangor dan Hamzah Abdullah seorang pemimpin Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor (Ramlah Adam 1998: 3-7) telah menambah perkataan 'Kebangsaan' atau 'National'; dari UMO menjadi UMNO. Pada 29 Mac 1946 Dato' Onn telah memanggil anggota pertubuhan untuk menghadiri kongres tergempar (Kongres Melayu SeMalaya Kedua) yang diadakan dua kali di dua tempat berasingan iaitu di pejabat akhbar Majlis dan di Penang Peranakan Club, Kuala Lumpur. Tujuan kongres ini adalah untuk membincangkan penentangan Malayan Union (Malayan Union Boikot) (Abdullah Ghazali 1996:38-39 dan Ramlah Adam 1978: 23-24). Pada 11 Mei 1946 dalam Kongres Melayu SeMalaya Ketiga yang diadakan

empat abad dikuasai kolonial, masyarakat Tanah Melayu ketika itu, yang kemudiannya di sebut Malaya belum menemui sebuah parti politik yang dapat memenuhi cita orang Melayu, walau pun ketika itu sudah banyak persatuan negeri dibentuk.⁴ Hasrat British memperkenalkan Malayan Union (1946) telah menyebabkan satu kongres se-Malaya diadakan di Kuala Lumpur dengan disertai 41 persatuan Melayu termasuk wataniah (Shaw 1977:85). Melalui Kongres Se-Malaya inilah lahirnya UMNO dengan tujuan pertamanya adalah untuk mewujudkan perpaduan Melayu bagi menentang Malayan Union. Melalui isu nasional yang menyangkut hak pertuanan serta kedaulatan⁵ raja-raja Melayu maka perjuangan UMNO mendapat sokongan menyeluruh dari orang Melayu.

Pada tahun 1951 akibat kemelut keinginan Dato' Onn untuk membuka keahlian kepada bukan Melayu menyertai UMNO menyebabkan pucuk kepimpinan UMNO bertukar kepada Tunku Abdul Rahman. Sekitar Ogos 1953, UMNO telah membentuk Perikatan⁶ bagi menguasai politik Malaya. Atas dasar perpaduan kaum yang diterapkan

di Istana Besar Johor Bahru, UMNO telah lahir dengan resminya (Ghazali 1996: 40, Ramlah Adam 1978: 35 dan 1998: 9 dan Atory 1993: 1) 4 Februari 1988 UMNO telah diputuskan sebagai pertubuhan tidak sah oleh Hakim Harun Hashim pada jam 6.20 petang di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Atory 1993: 130-131). 12 Februari 1988 Pendaftar Pertubuhan (Zakiah Hashim) telah mengeluarkan surat resmi bahawa UMNO sebagai pertubuhan haram. Pada 15 Februari 1988 atas daya usaha Dr. Mahathir dan beberapa bekas pemimpin kanan UMNO telah mendaftarkan semula UMNO (Atory 1993: 169). Akhirnya pada 17 Februari 1988 Pendaftar Pertubuhan telah menerima semula pendaftaran UMNO (Zainuddin 1994: 164). UMNO dalam kajian ini adalah UMNO yang telah ditubuhkan pada 1946 hingga galah UMNO yang ada pada hari ini.

⁴ Antara pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan seperti Kesatuan Melayu Muda, Kesatuan Melayu Selangor, Kesatuan Melayu Singapura, Kesatuan Melayu Perak, Kesatuan Melayu Johor dan lain-lain negeri. Masyarakat Melayu belum aktif terlibat dalam pertubuhan ini kerana belum ada isu nasional yang dapat diperjuangkan untuk mengerakkan pertubuhan-pertubuhan ini. Keterangan lanjut lihat Roff (1975).

⁵ Daulat raja bagi masyarakat Melayu sangat mempunyai nilai dalam budaya mereka. Politik Melayu unik, konsep daulat digunakan dan konsep derhaka serta pantang Melayu derhaka belum pupus (Atory Hussain 1993: 187, Yusuf Hashim 1996)

⁶ UMNO telah mengadakan kerjasama antara parti politik MCA yang mewakili orang Cina pada 1953 dan dengan MIC yang mewakili masyarakat India pada sekitar 1954. MCA telah ditubuhkan pada 1949 oleh taukeh-taukeh Cina untuk menjaga kepentingan perniagaan mereka. Pertubuhan ini pada awalnya bukan pertubuhan politik tetapi sekitar 1953, MCA mula terlibat dalam politik sepenuhnya (Chamil Wariya 1987: 34-35). MIC pula telah ditubuhkan pada Ogos 1946 dengan John Thivy sebagai presiden pertama. Di awal

oleh Tunku usaha kemerdekaan Malaya dilakukan (Tunku 1979:105). Usaha UMNO serta parti gabungannya telah berjaya memperjuangkan kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957. Mengisi awal kemerdekaan Malaya, merupakan situasi yang sukar kepada UMNO untuk memenuhi tuntutan semasa. Namun, melalui kompromi dan tolak ansur bersandarkan perpaduan kaum seperti yang diamalkan oleh Tunku, segalanya dapat diatasi sehinggalah pada tahun 1969. Paling asas, kerjasama ini dilihat melalui konsep; Melayu memberi keamanan politik, Cina kuasa dalam perniagaan dan India menyediakan tenaga kerja (B.N. Cham 1975:406).

Peristiwa 13 Mei 1969 telah memberikan pengalaman yang cukup sukar terhadap kewibawaan UMNO sebagai kepimpinan teras politik negara. Kejadian rusuhan kaum ini mencatat sejarah hitam kepada negara. Meskipun demikian UMNO telah berjaya melampaui keadaan ini dengan bertukar kepimpinan kepada Datuk⁷ Abdul Razak Hussin yang lebih menekankan tentang pembangunan sosio ekonomi. Beliau menegaskan “...kalau asyik politiking, sosio ekonomi terabaikan...” (Shaw 1977). Menyedari kuasa yang ada di tangan UMNO, kuasa yang digunakan sebagai sumber utama untuk membela bangsa Melayu dan bangsa Malaysia, kuasa politik negara ini berteraskan kuasa politik UMNO (Zulkifli dan Karim Abdullah 1992: 182), ini bermakna kuasa politik merupakan kunci kepada kesinambungan hidup Melayu. Penguasaan terhadap politik perlu bagi orang Melayu kerana selain untuk menguasai pemerintahan juga kerana

penubuhannya MIC perjuangannya berteraskan kerajaan India. Pada tahap awal perkembangan parti politik non-Melayu seperti MCA dan MIC menampakkan pola perjuangan yang condong ke negara asal. Sekitar 1952 pola ini berubah dengan perhatian ditumpukan dengan suasana tuntutan demografi politik di Tanah Melayu (Morgan 1995:4)

ekonomi dikuasai oleh orang Cina (Jomo 1988: 284). Sebagai parti yang mewakili masyarakat Melayu, UMNO juga menjadi tulang belakang dalam perikatan dan kemudian Barisan Nasional.⁸ Umno sebagai parti yang dominan dalam kerajaan adalah teras bagi parti lain dalam Barisan Nasional. Begitu juga dalam jawatan penting lagislatif dan eksekutif telah banyak diisi oleh UMNO kerana dalam banyak pilihanraya UMNO telah memenanginya dengan jumlah yang besar (S. Husin Ali 1979: 138). Ini bermakna UMNO sebagai parti politik yang mewakili orang Melayu telah meletakkan posisi politik orang Melayu sesuai dengan kedudukanya.⁹

Mengingat kuasa politik berada pada orang Melayu sudah tentu kuasa ini perlu dipelihara agar tidak terlepas dari penguasaannya. Oleh itu, UMNO mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menentukan arah bagi kaum yang diwakilinya.¹⁰ UMNO merupakan parti yang mewakli orang Melayu maka segala kepentingan orang Melayu tidak dapat diabaikan. Disamping UMNO merupakan teras kepimpinan negara, UMNO juga mewakili kaum yang terbesar di negara ini (Jomo 1988:281). Ini bermaksud antara UMNO, kerajaan dan orang Melayu mempunyai keterkaitan yang sangat erat di

⁷ Dalam huraian seterusnya semua penggunaan gelaran sama ada Tun, Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato' yang digunakan di hadapan nama tidak akan disebutkan.

⁸ Pada tahun 1974 Barisan Nasional ditubuhkan dengan 9 buah parti bergabung iaitu UMNO, MCA, MIC, PAS,GERAKAN, PPP, PBB,USNO dan SUPP.

⁹ Sebagaimana kata Tunku "...negara ini negara Melayu oleh sebab itu orang-orang Melayu harus mendapat tempat dan keistimewaan ..." (Yusuf 1991: 102)

¹⁰ Arah tujuan mengikut acuan budaya Melayu yang tidak bertentangan dengan nilai-nilai murni orang Melayu. Bersesuaian dengan keadaan, arah itu dapat pula ditentukan oleh penguasa UMNO sendiri.

mana UMNO adalah teras kerajaan, orang Melayu pendukung yang menjadi jantung UMNO.¹¹ Manakala kerajaan pula wujud dan berfungsi kerana adanya UMNO.

Walau pun UMNO mewakili kuasa Melayu dan merupakan parti yang dominan dalam kerajaan, namun satu hakikat yang tidak dinafikan ialah baik sebelum merdeka dan selepas merdeka, orang Melayu hanya ada kuasa politik, sementara kuasa ekonomi dimiliki oleh orang asing serta orang Cina.¹² Atas kesedaran beberapa elit politik Melayu yang ada dalam UMNO, desakkan telah dibuat agar UMNO berusaha mengimbangi antara kuasa politik dan ekonomi agar nasib orang Melayu terjamin. Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada tahun 1965 dan disusuli dengan kongres ekonomi Bumiputera Kedua pada tahun 1968 (Jomo 1988), bertujuan mendesak UMNO supaya memperjuangkan ekonomi Melayu. Berikutan itu MARA dan Bank Bumiputra telah ditubuhkan. Namun pada tahun 1969 pemilikan orang Melayu dalam sektor perniagaan hanya 2.4% sahaja (Gomez 1990: 6). Muncul keinginan di kalangan segelintir pemimpin Melayu untuk menggunakan kuasa politik yang diharapkan akan digunakan untuk menembusi dunia perniagaan (Mahathir 1982: 45). Peristiwa 13 Mei 1969¹³ telah menjadi pengalaman kepada kerajaan terutama UMNO untuk mengatasi masalah pembangunan ekonomi. Ekoran itu pada tahun 1970 Dasar Ekonomi Baru

¹¹ Menurut Madison "... orang ramai diandaikan memerintah orang yang memerintah mereka. Semua institusi politik merupakan manifestasi dan penghasilan kuasa. Semuanya akan rosak dan musnah sebaik sahaja kuasa orang ramai yang segar hidup tidak lagi mendukungnya ..." (Steven Lukes 1985:27).

¹² Keterangan lanjut lihat Jomo (1985:284), B.N. Cham (1975:406), Tunku Abdul Rahman (1979) dan Mahathir Mohamad (1982).

¹³ Peristiwa rusuhan kaum antara orang Melayu dan Cina yang terjadi di Kepompong, Selangor dan merebak hingga ke Perak dan kemudian seluruh negara, menyebabkan parlemen digantung dan kerajaan dijalankan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) di bawah Abdul Razak Hussin. Keterangan lanjut tentang 13 Mei 1969 akan dihurai dalam bab II.

dilancarkan (Gomez 1990: 6). Melalui DEB, kerajaan berusaha lebih aktif memulakan langkah untuk membantu orang Melayu agar terlibat dalam bidang perniagaan. Di mana melalui MARA (Majlis Amanah Rakyat), PERNAS (Perbadanan Nasional) dan UDA (Urban Development Authority) telah disediakan tapak awal kepada orang Melayu seperti yang dinyatakan oleh Bruce Gill “*...had similar political economic objective in that they were all committed to opening opportunities for Malay businessmen in a commercial sector ...*” (Gill 1984: 3).

Sungguh pun UMNO hanya menyediakan ruang kepada orang Melayu untuk bermiaga, ia kemudian turut aktif dalam perniagaan. Hal ini bermula pada era Tun Razak, iaitu apabila Tengku Razaleigh menubuahkan serta menerajui Fleet Holding pada tahun 1972. Pada dasarnya parti politik tidak boleh terlibat dalam perniagaan tetapi melalui syarat dengan merujuk persetujuan yang dibuat oleh MKT UMNO, cara yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh itu dibenarkan (Fo'ad 1988). Bermula dari Fleet Holding, syarikat-syarikat perniagaan milik UMNO terus berkembang dengan banyaknya. Usaha UMNO dalam mencetuskan minat orang Melayu untuk bermiaga berhasil kerana pada tahun 1971 hak milik ekuiti bumiputera dalam sektor perniagaan hanya 2.4% telah bertambah kepada 19.4% pada tahun 1990 (Gomez 1990: 7) dan bertambah kepada 20.6 peratus pada 1995 (Jomo 1999: 138).

Kestabilan politik Malaysia hari ini telah membolehkan rakyatnya hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera baik dari segi sosial atau ekonominya. Tanpa kestabilan politik dan keharmonian sosial maka akan pincang keadaan ekonomi sesebuah negara.

Kemajuan ekonomi negara telah membuka ruang dan kesempatan kepada UMNO untuk terus memperjuangkan kedudukan ekonomi Melayu. Penglibatan orang Melayu dalam bidang perniagaan ternyata jauh ketinggalan sebelum beberapa dasar ekonomi diperkenalkan atas daya usaha UMNO. DEB yang diperkenalkan selepas 13 Mei adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara Melayu dan bukan Melayu (Gomez 1990).

Sebelum beberapa dasar yang berkaitan kepentingan orang Melayu dilaksanakan oleh UMNO, orang Melayu bukan sahaja tidak terlibat dalam perniagaan malahan kemampuan mereka juga turut diragui. Dalam Era 60-an dan 70-an masih terdapat sentimen kaum yang masih menebal di kalangan rakyat Malaysia terutama antara orang Melayu dengan orang Cina di mana orang Cina melihat orang Melayu tidak memiliki jiwa keusahawanan (Popeneo 1968). Orang Melayu hanya layak menjadi ‘kawan tidur’.¹⁴ Bertolak dari anggapan demikian orang Melayu bukan dianggap sebagai rakan niaga yang berpotensi. Anggapan sedemikian kian terhakis di dalam era 80-an dan 90-an di mana peniaga Melayu mula muncul melalui bantuan-bantuan dan galakan dari UMNO. Galakan atau peranan yang dimainkan oleh UMNO melalui dasar yang berkaitan dengan ekonomi serta keterlibatan UMNO sendiri dalam dunia perniagaan. Usaha ini dibuat melalui penubuhan beberapa institusi amanah milik kerajaan yang diberi peluang penguasaannya kepada orang Melayu (Lim Mah Hui 1989). Perbadanan

¹⁴ Kawan tidur bermaksud permit dan lesen yang diperolehi oleh orang Melayu disewakan kepada orang Cina untuk diniagakan dan kemudian orang Melayu hanya tidur di rumah, tidak mendapat apa-apa pengalaman dan pengetahuan dalam mendayagunakan lesen dan permit tetapi orang Cina semakin mahir dalam selok belok perniagaan (Chamil Wariya 1985)

dan institusi amanah itu walau pun bertujuan untuk memelihara dan mengembangkan harta dan amanah negara tetapi jelasnya adalah untuk menjaga kepentingan orang Melayu (Abdad 1988). Ini bermakna kejayaan dalam menjalankan amanah negara bermakna Melayu mampu dibentuk menjadi ahli perniagaan yang berjaya (Michael Stenson 1980).

Era 90-an semakin ramai orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan. Aset yang dimiliki juga jauh lebih besar sehingga mampu membuat pelaburan dan menjalankan projek mega serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Kemunculan dan kemampuan orang Melayu dalam bidang perniagaan itu sekaligus menolak tanggapan negatif bahawa orang Melayu tidak boleh dijadikan rakan niaga yang berpotensi. Kini kemunculan orang Melayu yang berjaya dalam perniagaan bukan sahaja menambah bilangan sasaran UMNO terhadap peratusan keterlibatan di sektor perniagaan tetapi turut mewarnai suasana sistem sosio-politik Melayu. Mereka berusaha untuk mengumpul kekayaan manakala pada segi yang lain mereka turut terlibat di belakang tokoh-tokoh tertentu dalam politik UMNO dengan tujuan untuk kepentingan ekonomi.

UMNO kini mempunyai kuasa politik yang kuat, berpengaruh tetapi juga memiliki kuasa ekonominya sendiri. Dalam hal ini Mahyiddin menyatakan "...sesuatu masyarakat yang kuat ekonominya juga kuat politiknya..." (Mahyiddin 1987: 13). Ini bermakna UMNO telah memiliki kedua-duanya. Berdasarkan situasi politik semasa, nampaknya tanggapan orang Melayu bahawa UMNO bukan sahaja dilihat sebagai wadah politik tetapi juga 'lombong emas'. Lantaran itu UMNO dijadikan sasaran untuk

mencari kekayaan, menambah harta, menambah kemewahan di samping pengaruh. Dengan demikian semakin ramai orang Melayu yang berusaha mendekati pemimpin UMNO dan untuk tujuan itu berbagai cara digunakan.

Kajian ini bukan semata ingin melihat situasi yang diakibatkan oleh sebahagian anggota dan pemimpin UMNO tetapi berusaha juga untuk menelusuri kembali peranan yang dimainkan oleh UMNO secara historikal bermula dari pasca kemerdekaan hingga kini (1998) untuk membantu orang Melayu supaya terlibat dalam perniagaan. Lebih jauh lagi kajian ini cuba meninjau apakah implikasinya terhadap sistem sosio-politik setelah peranan itu dikatakan berjaya dilaksanakan oleh UMNO.

1. 2 Masalah Kajian.

Segelintir pemimpin UMNO menyedari bahawa orang Melayu ketinggalan dalam bidang perniagaan (Ranjit Gill 1987: 87). Oleh itu mereka telah berusaha melalui UMNO untuk memperjuangkan ekonomi setelah berjaya di dalam awal perjuangan politik mereka.¹⁵ Sebagai parti yang dominan dalam kerajaan maka kuasa politik adalah dimiliki oleh UMNO. UMNO telah menggunakan kuasa politik yang dimilikinya untuk memperoleh kepentingan ekonomi untuk orang Melayu, iaitu masyarakat yang diwakilinya serta

¹⁵ Perjuangan awal UMNO menurut kebanyakan sarjana politik adalah menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan. Kedua-dua perjuangan ini merupakan asas terbentuknya kekuatan awal UMNO dan ternyata kepaduan orang Melayu melalui UMNO telah berjaya merealisasikan matlamat perjuangan berkenaan. Tanpa dua isu nasional ini orang Melayu tidak akan bersatu padu kerana hal ini bertolak dari banyaknya persatuan anak Negeri, persatuan Negeri-Negeri dan lain-lain kesatuan yang tidak berpaksi kepada politik.

membentuk kelas kapitalis Melayu (Gomez 1990: vii-viii). UMNO telah menggunakan kuasanya untuk menjalankan berbagai strategi kerajaan untuk membantu orang Melayu. UMNO juga tidak melepaskan peluang terlibat aktif dalam perniagaan. Secara tidak langsung sebagai pemangkin kepada orang Melayu untuk terlibat dalam bidang perniagaan (Fo'ad 1988: 34).

Setelah UMNO berjaya dalam perniagaannya maka orang Melayu tertarik pula untuk mendekati UMNO sama ada untuk menjadi pemimpin, penyokong atau mendekati aktor tertentu dengan harapan akan dapat memanipulasi kuasa untuk tujuan kepentingan ekonomi. Hal ini terjadi kerana UMNO dilihat sebagai sebuah parti politik Melayu yang dapat menyediakan kemudahan, kemewahan, kekayaan serta menambah harta kepada sesiapa yang berpeluang menjadi pemimpin atau yang berjaya menguasai pemimpin tertentu telah menghasilkan ramai peniaga Melayu yang berjaya di dan kelompok ini juga turut sama terlibat dalam mewarnai suasana sistem sosio-politik Melayu hari ini.

Bertolak dari dasar inilah maka kajian ini cuba melihat bagaimana UMNO menggunakan kuasa politiknya untuk menangani masalah ekonomi orang Melayu, khususnya dalam bidang perniagaan. Kajian ini akan menelusuri secara historikal struktural tentang peranan telah dimainkan oleh UMNO sejak era Tunku Abdul Rahman hingga ke Era Dr. Mahathir, dalam membantu orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan. Kajian ini turut melihat apakah implikasi terhadap sistem sosio-politik Melayu. Dalam hal ini dapatlah disimpulkan bahawa masalah utama kajian ini ialah

bagaimana UMNO menggunakan kuasa yang ada padanya untuk menjamin survival ekonomi orang Melayu serta apakah implikasi terhadap sistem sosio politik Melayu. Dari masalah utama ini dapat dirumuskan beberapa persoalan seperti berikut:

1. Bagaimana UMNO memainkan peranan politiknya untuk kepentingan ekonomi orang Melayu?
2. Sejauhmana kejayaan peranan-peranan yang telah dimainkan oleh UMNO terhadap sosio politik Melayu.?
3. Apakah implikasi-implikasi yang muncul dari peranan yang telah dimainkan oleh UMNO terhadap sistem sosio-politik Melayu?

1. 3 Bidang Kajian

Bidang kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama dalam bidang ilmiah; iaitu fokus struktural- tentang apa yang hendak dikaji, fokus temporal- batas waktu atau tempoh dan fokus ragional- keluasan, daerah, tempat atau kawasan. Dari sudut struktural, kajian ini hanya memilih kepada sebuah parti politik iaitu UMNO. UMNO merupakan parti yang dominan dalam kerajaan juga merupakan parti yang mempunyai kuasa utama dalam menentukan arah pemerintahan negara (Gomez 1990: vii-viii). Fokus struktural kedua adalah masyarakat Melayu kerana UMNO hanya diwakili oleh orang Melayu dan kerana orang Melayu mendominasi penduduk negara ini. Fokus struktural ketiga kajian ini adalah dengan memilih beberapa dasar kerajaan yang ada hubungkait

dengan perniagaan untuk menjamin kepentingan ekonomi orang Melayu (Atory Hussain 1996: 217-224).¹⁶

Fokus temporal kajian bermula dari pasca kemerdekaan, dari era Tunku hingga era Dr. Mahathir. Bagaimana pun kajian ini akan memberi penekanan tertumpu kepada era Mahathir iaitu sehingga 1998 sahaja. Kenapa era Mahathir diberi penekanan dalam kajian ini kerana dua sebab. Pertama; beberapa dasar sosio ekonomi yang yang diwarisi sejak era Tunku telah diaktifkan peranannya di era Dr. Mahathir. Kedua; implikasi sosio-politik yang ketara di era Dr. Mahathir. Manakala fokus regional kajian ini adalah berbentuk nasional iaitu Malaysia sebagai satu unit politik (Shamsul 1976). Hal ini dirasakan sesuai kerana kajian ini berbentuk historikal struktural secara umum.

1. 3. 1 Beberapa Konsep Penting Asas Kajian.

1. 3. 1. 1 Politik Dan Kekuasaan.

Kajian ini akan menghuraikan pendefinisian secara ringkas beberapa konsep asas yang berguna dalam membantu kajian ini. Dari segi etimologi, kata politik berasal dari kata Yunani kuno iaitu ‘polis’. Polis membawa maksud kota atau negara kota (Soelistiyati 1987: 14-15). Sekitar abad ke-4 sebelum masihi masyarakat Yunani sudah menjadi kebiasaan untuk berkumpul di satu-satu kawasan kecil, mereka mengenal satu sama lain, menyusun dan mengatur peraturan harian mereka sendiri. Masyarakat yang hidup di

¹⁶ Keterangan lanjut sila lihat Ahmad Idris (1988: 48-55) dan Nik Hashim Mustafa dan Zulkifly Osman (1989: 9-20)

tempat dan dalam keadaan sedemikian maka dinamakan ‘negara kota’. Kemudian kata polis telah berkembang menjadi ‘polities’ (warganegara), ‘politikos’ (kewarganegaraan), ‘politike te ekhe’ (kemahiran politik) dan terakhir ‘politike episteme’ (ilmu politik).¹⁷

Dari segi epistemologi atau pengertian makna, sarjana mengutarakan berbagai pengertian menurut sudut pandang objek yang diteliti. Ini kerana objek politik itu terdiri dari berbagai antaranya membincangkan soal negara, masyarakat, pemerintah, kekuasaan, organisasi politik dan sebagainya. Menurut Soltou (1961: 4) “... *political science is the study of the state, its aims and purpose- the institutions by which these are going to be realized, its relations with its individual members and other state*”. Soltou lebih menekankan tentang negara, institusi negara dan hubungan warganegara. Pengertian yang diberikan oleh Huszan dan Thomas H. Stevenson (1951) hampir menyamai dengan Soltou di mana mereka memberi pengertian politik itu;

“...sebagai kajian memperhatikan hubungan kekuasaan antara orang dengan orang, orang dengan negara dan antara negara dengan negara. Ia menyangkut hubungan dengan pengaruh, di lain pihak ia memusatkan hampir keseluruhannya terhadap pertimbangan pemerintah...” (Soelistyati 1987: 18).

Robert M. MacIver memberi pengertian politik dalam konteks pemerintahan, hubungan serta fungsinya seperti berikut;

“ *an important body of systematic knowledge about the state, about the candidates under which deferent types of goverment emerge about the characteristic of the deferent types, about the relation of goverment to governed in deferent historical situations, about the modes in which governments carry on their functions according to their kind, and so forth*” (MacIver 1947: 7).

¹⁷ Keterangan lanjut lihat Miriam Budiardjo (1989), F. Isjwara (1991), K. Ramanathan (1992) dan C.C. Rodee (1993).

Rodee turut memberikan pengertian politik dalam konteks pemerintah yang turut menekankan aspek kekuasaan di mana beliau menyatakan "... pemerintah merupakan lembaga politik yang rasmi. Di mana ada pemerintah di situ ada politik. Dan di mana ada politik di situ ada kekuasaan yang pengagihannya tidak merata..." (C.C. Rodee, et. all, 1993: 2). Soelaiman Soemardi pula memberikan pengertian politik dengan melihat masyarakat dan kekuasaan sebagai objek utama iaitu;

"...ilmu pengetahuan kemasyarakatan, mempelajari masalah kekuasaan dalam masyarakat, sifat hakikatnya, luas lingkupnya, konsep fundamental dari ilmu politik tidaklah semata 'kekuatan memaksa'. Dasar susila dari kekuasaan dan pengaruh dari idea-idea tidak kurang pentingnya. Tanganpan tentang sumber kekuasaan serta tujuan dari penguasaan sama pentingnya dengan analisis tentang penggunaan dari kekuasaan itu sendiri..." (Soelistyati 1987: 19).

Manakala Miriam Budiardjo merumuskan pengertian politik dengan agak luas;

"...bermacam kegiatan dalam satu sistem politik (negara) yang menyangkut proses menentukan tujuan dari sistem itu dan melaksanakan tujuan itu. Pengambilan keputusan mengenai apakah yang menjadi tujuan dari sistem politik itu menyangkut seleksi antara beberapa alternatif dan penyusunan keutamaan tujuan yang telah dipilih. Untuk melaksanakan tujuan perlu ditentukan dasar awam yang menyangkut pengaturan dan pembahagian dari sumber dan penyelidikan yang ada. Untuk melaksanakan dasar awam diperlukan kekuasaan yang akan dipakai untuk membina kerjasama atau untuk menyelesaikan konflik..." (Miriam 1989: 8-9).

Pada dasarnya jika dilihat dari beberapa pengertian makna politik yang telah dipilih, nampaknya antara satunya tidak lari dari menyentuh tentang negara, warganegara, pemerintah, kekuasaan, masyarakat serta hubungan antara satu dengan lainnya. Oleh yang demikian dapatlah dinyatakan bahawa untuk mengetahui tentang pengertian politik maka fokus kita tetap berkisar tentang negara, warganegara dan

masyarakat, pemerintah dan kekuasaan yang dimilikinya serta institusi yang ada dalam negara berkenaan. Semua ini mempunyai keterkaitan antara satu dengan lain yang kemudiannya mempunyai pula hubungan dengan negara luar dan terbentuklah satu sistem politik.

Manakala definisi kuasa juga telah banyak diutarakan oleh para sarjana sosiologi dan sains politik. Untuk kajian ini beberapa definisi kuasa diambil sebagai landasan dasar. Definisi asas kuasa itu ialah "... bahawa A menggunakan kuasa atas B apabila A memberi kesan kepada B mengikut cara yang bertentangan dengan kepentingan B..." (Lukes 1985: 34). Pernyataan ini membawa maksud kemampuan seorang aktor membuat sesuatu yang akan mempengaruhi pelaku lain, yang mengubah pola yang berkemungkinan bagi peristiwa khusus, umpamanya dalam keadaan membuat keputusan (N. W. Polsby 1963: 3-4). Definisi ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Miriam Budiardjo (1989: 35) yang menyatakan "... kekuasaan adalah kemampuan seseorang atau kelompok manusia untuk mempengaruhi tingkahlaku seseorang atau kelompok lain sehingga tingkahlaku itu menjadi sesuai dengan keinginan dan tujuan dari orang yang mempunyai kekuasaan itu...". MacIver (1952: 87) mendefinisikan kekuasaan sebagai "... *the capacity to control the behavior of others either directly by fiat or indirectly by the manipulation of available means...*". Nampaknya definisi ini agak mirip dengan pandangan Ossip K. Fleethiem (1952: 16) yang menyatakan "... *social power is the sum total of all those capacities, relationships and process by which compliance of others is secured..for ends determined by the power holder...*".

Dapat disimpulkan bahawa kuasa itu sebenarnya adalah apabila A mempengaruhi B agar B mengikut kehendak A. Dalam usaha A mempengaruhi B dapat dilakukan dengan empat cara iaitu pujuk, mengarah- melalui dasar-dasar kerajaan dan peraturan yang dibuat, mengugut- menggunakan militer dan memaksa dengan saluran undang-undang yang dibuat dan dikuatkuasakan. Bagi kelompok yang berkuasa (otoriter), kuasa yang dimiliki akan terus kekal berada dalam tangan kelompok berkenaan selagi kelompok itu teguh bersatu (Hannah Arendt 1970: 4).

1. 3. 1. 2 Orang Melayu Dan Kepentingannya.

Kajian ini akan menumpukan kepada masyarakat Melayu secara khusus kerana UMNO yang mendominasi kerajaan adalah mewakili orang Melayu. Oleh itu perjuangan UMNO sebahagian besarnya adalah untuk kepentingan orang Melayu sendiri. Terdapat berbagai pandangan sarjana tentang orang Melayu sama ada yang menetap di Semenanjung atau secara umumnya. Menurut Syed Husin Ali, pengertian Melayu dapat dipandang dari dua sudut iaitu sudut sosial budaya dan sudut perlumbagaan. Dari sudut sosial budaya, orang Melayu bukan sahaja terdapat di Semenanjung tetapi di tempat-tempat lain seperti kepulauan Filipina, dan Indonesia yang disebut juga sebagai Nusantara. Walau pun mempunyai dialek dan loghat yang berbeza tetapi para sarjana menganggap mereka dari satu rumpun yang sama iaitu Melayu. Ikatan kekuatan Melayu ini telah dipisahkan oleh kolonial Belanda di Indonesia, Sepanyol di Filipina dan British di Malaya, maka wujud orang Melayu berdasarkan negara iaitu seperti Melayu Malaysia, Melayu Indonesia, Melayu Brunei (S. Husin Ali 1979: 1- 10).

Orang Melayu yang ada di Malaysia bukanlah penduduk asal Tanah Melayu tetapi migran yang datang dari Utara China yang datang sekitar tahun 2500 hingga 1500 sebelum masihi. Penduduk awal Tanah Melayu adalah orang asli (Lim Mah Hui 1980: 132). Orang Melayu yang datang ini sebahagiannya mendiami pesisir pantai dan tanah datar terutamanya di bahagian utara. Pada sekitar abad ke-19 semakin ramai pula orang-orang Melayu Sumatera, Jawa dan lain etnik dari kepulauan Indonesia bermigran ke Tanah Melayu. Sekitar abad ke-15 bila Islam datang ke Tanah Melayu melalui proses asimilasi akulterasi maka keseluruhan orang Melayu telah beragama Islam (Yazid 1992: 14-15).

Kedatangan orang Melayu ke Tanah Melayu memang diakui telah mendahului lain-lain bangsa seperti Cina, India. Orang Melayu menganggap mereka sebagai penduduk asal Tanah Melayu dan telah menjadi bangsa pentakrif (*definitive race*) ke atas Tanah Melayu. Oleh kerana mereka mengakui sebagai penduduk asal dan Tanah Melayu sebagai tanah kepunyaan mereka secara umumnya mereka adalah bumiputera yang mempunyai kepentingan tersendiri di tanah tinggal mereka yang tidak perlu dipertikaikan oleh bangsa lain. Pentakrifan Melayu¹⁸ berdasarkan perlombagaan persekutuan dalam perkara 160 (2) mendefinisikan Melayu sebagai "...seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan;

1. Lahir sebelum hari merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau

¹⁸ Berkaitan pentakrifan Melayu lihaturaian R. S. Milne dan Diane K. Mauzy (1986: Introduction pages), S. Husin Ali (1979: 2-3), Jamaie Hj. Hamil (1993: 20-21)

- ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura pada hari merdeka ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau
2. ia adalah keturunan seseorang yang tersebut (Perlembagaan Persekutuan 1994: 142-143).

Istilah bumiputra ini hanya mempunyai definisi yang khusus menurut perlembagaan ianya diterima pakai hanya setelah kemasukan Sabah ke dalam Malaysia pada 1963. Sebelum definisi ini diperlembagakan, pengertian perkataan bumiputra telah diterima umum dengan maksud anak watan atau pribumi yang menjadi penduduk asal negara ini (S. Hussin Ali 1979: 6-7). Oleh kerana orang Melayu menganggap mereka sebagai penduduk asal dan bangsa pentakrif Tanah Melayu maka mereka juga adalah anak watan atau bumiputra jika merujuk pada Perlembagaan Malaysia berkenaan. Apabila Sabah dan Sarawak masuk ke dalam Malaysia takrif bumiputra lebih khusus lagi menurut Perlembagaan Persekutuan;

1. Mengenai Sarawak, seseorang warganegara dan ianya adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam fasil (7). Sebagai kaum asli negeri itu atau ianya seorang yang berketurunan campuran yang berasal hanya dari kaum itu; dan
2. Mengenai Sabah seorang warganegara dan ianya adalah anak atau cucu kepada seseorang dari suatu kaum asli Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas hari Malaysia) di Sabah (Perlembagaan Malaysia Fasal 61A (6)).

Dalam perlembagaan juga telah digariskan tentang “ hak keistimewaan orang-orang Melayu ”. Dalam perkara 153 perlembagaan Yang Dipertuan Agung dipertanggungjawabkan untuk memelihara hak keistimewaan Melayu. Hak keistimewaan itu adalah perkhidmatan awam, biasiswa, pelajaran, latihan, pemberian permit dan lesen dan juga menjamin penglibatan bumiputera dalam perniagaan (S. Husin Ali 1979: 2-4 dan Yazid 1992 : 16-17). Manakala dalam perkara 89 antaranya menyatakan pemerintah berkuasa mengisytiharkan kawasan tertentu sebagai tanah simpanan Melayu di mana pemiliknya hanyalah untuk orang Melayu sahaja.

Dengan demikian orang Melayu menurut kajian ini adalah orang Melayu yang tinggal di Malaysia sesuai dengan takrifan menurut perlembagaan dan takrifan sosio budaya. Di mana orang Melayu Malaysia adalah yang beragama Islam dan warganegara Malaysia. Ini bermakna orang Melayu yang berada di Malaysia adalah identik dengan Islam tetapi harus ‘dihalus’ bahawa bukan pula orang yang beragama Islam itu orang Melayu. Oleh kerana orang Melayu merupakan penduduk asal dan anak watan Tanah Melayu maka mereka juga tergolong dalam bumiputera. Kepentingan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah hak keistimewaan orang-orang Melayu. Di mana di dalam perlembagaan telah digariskan dengan jelas hak keistimewaan tersebut. Secara tersirat dan tersurat ia merupakan satu jaminan bertulis untuk memenuhi kepentingan orang Melayu selaku bumiputera yang menjadi penduduk yang dominan di Malaysia. Melalui penguasaan politik UMNO yang mewakili orang Melayu maka perjuangan mengisi kemerdekaan seterusnya adalah dengan memperjuangkan ekonomi orang Melayu seperti yang telah digariskan dalam perlembagaan negara.

1. 3. 2 Pemilihan Teori Dan Konsep.

Perlu dinyatakan di sini bahawa kajian ini lebih kepada kajian yang bersifat historikal deskriptif analisis.¹⁹ Rentetan secara kronologi terhadap subjek yang dikaji akan didiskripsikan dan kemudian analisis dibuat berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi. Walau pun kajian ini tidak berorientasikan teoritikal tetapi teori dan konsep yang dianggap sesuai telah dipilih untuk membantu analisis. Hal ini adalah selaras dengan hakikat bahawa fakta dapat dihasilkan dari sumber-sumber yang dikaji berdasarkan teori dan konsep yang dipilih,²⁰ yang merupakan alat yang dapat membantu untuk mempertajam analisis kajian (Sartono 1992: 5-6).

1. 3. 2. 1 Teori Tindakan.

Sukar dipastikan secara konkret bahawa dalam setiap program dan dasar yang dibuat

¹⁹ Kajian ilmiah umumnya terbahagi kepada dua bentuk iaitu kajian teoritikal analisi dan historikal deskriptif analisis. Kajian bersifat teoritikal memerlukan pengkaji memilih sesuatu teori tertentu, yang bermakna pengkaji harus sangat menguasai teori berkenaan dan kemudian diuraikan dan dijelaskan dengan lebih terperinci di bahagian awal kajian. Lebih dari itu, teori berkenaan diuji dengan membuat komparatif studi terhadap objek yang sama di tempat yang berbeza. Setelah didapati hasilnya teori berkenaan akan digunakan dalam kajian tersebut. Sedangkan kajian yang bersifat historikal diskriptif analisis memerlukan pemaparan data secara kronologi. Kelalaian dalam mengatur data secara kronologis (Sartono 1992) akan memberi kesan terhadap hasil penulisan seterusnya. Sifat kajian ini tetap memerlukan konsep dan teori tetapi sekadar alat bantu dalam mempertajam analisis. Keterangan lanjut lihat juga A. G. Latief (1985), N. Sudjana (1990), Gorys Keraf (1990) dan Shamsul (1976).

²⁰ Dalam kajian yang bersifat ilmiah lebih-lebih lagi yang menekankan analisis teori, pemilihan konsep dan teori sangat penting. Sebenarnya kedua-duanya tidak dapat dipisahkan atas dua sebab pertama; teori tidak dapat berdiri sendiri dengan kukuh jika tidak dibantu dengan konsep lain. Kedua; rangkaian konsep dapat membina satu teori. Bukan bermakna konsep-konsep yang digabungkan akan membina teori baru tetapi dari beberapa rangkaian konsep yang dipilih akan memperjelas pula kedudukan teori yang digunakan (Shamsul 1998). Manakala makna yang pertama ialah pemilihan konsep akan memantapkan teori yang dipilih. Kajian ilmiah sains sosial sebenarnya tidak ada teori yang 'sangat tepat' untuk satu-satu objek kajian tetapi 'teori yang dianggap sesuai' dapat pula dipilih untuk tujuan membantu analisis. Keterangan lanjut lihat (Shamsul 1992 dan A.G Latief 1985).

oleh kerajaan ianya adalah dengan merujuk satu-satu teori dan konsep tertentu. Ini disebabkan aktor atau pembuat dasar tidak meniru sepenuhnya teori-teori dan konsep-konsep tertentu dalam proses membuat sesuatu dasar. Akan tetapi aktor dan pembuat dasar ini hanya merujuk dan menerapkan bahagian yang difikirkan sesuai dengan situasi dan keadaan setempat untuk mereka padankan dengan program atau dasar yang akan mereka laksanakan. Dalam hal ini adalah sulit untuk dipastikan dengan tepat apakah asas teoritikal dan konseptual yang digunakan untuk tujuan itu. Namun yang nyatanya tetap ada hubungan yang penting baik secara langsung atau tidak langsung di antara pendekatan praktikal dan teoritikal dalam dasar berkenaan (Shamsul 1976).

Walau pun kajian ini bukan bersifat teoritikal tetapi kepentingan dan keperluan terhadap sesuatu teori dalam sesebuah kajian ilmiah tidak dapat dinafikan. Ini kerana teori menjadi panduan dasar dalam membantu menganalisis data-data dan seterusnya menghasilkan fakta-fakta. Oleh yang demikian teori tindakan (*action theory*) dipilih untuk tujuan tersebut. Teori tindakan telah diasaskan oleh Max Weber (1864-1920).²¹

²¹ Max Weber telah dilahirkan pada tahun 1864 dari kalangan keluarga profesional kelas menengah Prussia. Beliau mendapat pendidikan sepenuhnya di Jerman iaitu di Heidelberg, Goettingen dan Berlin. Pendidikan formal Weber adalah undang-undang dan ekonomi bukan sosiologi. Gelar profesor yang diterimanya adalah dalam bidang ekonomi ketika berusaha 30 tahun. Weber tergolong dalam manusia genius sebagai ahli fikir yang luar biasa yang menguasai bidang-bidang ilmu undang-undang, politik, ekonomi, komparatif relegi, filsafat, sejarah, peradaban klasik dan moden serta terakhir sosiologi. Beliau telah digolongkan sebagai bapa sosiologi. Weber pernah cuba terlibat dalam politik praktis di Jerman, tetapi kalah dalam pilihanraya umum untuk merebut kerusi Dewan Legislatif. Terdapat tiga kekurangan pada Weber, pertama; Weber memang genius sebagai ahli fikir tetapi semua yang dinyatakan secara lisan gagal ditulis sendiri dengan baik. Semua karyanya telah ditulis kembali oleh murid-muridnya yang sudah pasti mengalami pewarnaan setempat. Kedua; beliau tidak tahu berbahasa Inggeris, sehingga semua karyanya dalam bahasa Jerman telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris yang terdapat banyak kelemahan dari karya asalnya. Ketiga; beliau tidak sempat meletakkan dirinya sebagai Aristoteles kedua kerana Weber mati pada tahun 1920 dalam usia muda iaitu 56 tahun. Lihat keterangan lanjut Stanislav Andreski (1989: vii-viii), Miller (1967: 1-3), Person (1969: 244-247) dan Parkin 1982: 13-20)

Teori tindakan bertolak dari andaian bahawa tindakan aktor adalah berasaskan kondisi dengan pertimbangan tertentu.²² Aktor akan bertindak apabila tindakannya dijangkakan akan menghasilkan atau boleh memenuhi kepentingan terhadapnya atau kelompok yang diwakilinya. Sebaliknya aktor tidak akan bertindak sekiranya tindakannya itu dijangka tidak memberikan kepentingan baginya. Tindakan individu untuk mencapai kepentingan kolektif pula bermaksud bahawa tindakan individu mendatangkan perubahan kepada organisasi yang diwakilinya (Giddens 1985). Dalam kajian ini UMNO sebagai sebuah organisasi akan dilihat berperanan sebagai aktor utama yang bertindak membentuk, menentukan dan melaksanakan dasar kerajaan yang mana tujuannya adalah untuk kepentingan orang Melayu. Kini UMNO bukan sahaja sebuah parti politik untuk tujuan politik sahaja tetapi turut menjadi organisasi yang terlibat untuk mengurus, menyediakan tapak serta menjadi pemangkin kepada perniagaan orang-orang Melayu. Bertolak dari sini, UMNO bukan sahaja dijangkakan akan dapat mengatasi masalah kewangannya tetapi kemudiannya turut mendatangkan beberapa implikasi terhadap sistem sosio-politik Melayu.

Menerangkan sesuatu tentang sebab akibat, penganalisis perlu meletakkan dirinya di tempat pelaku iaitu sebagai aktor. Tujuannya ialah untuk melihat sebab-sebab serta berkongsi pengalaman dengan aktor tentang mengapa dan bagaimana aktor itu bertindak. Cara sedemikian disarankan berdasarkan tuntutan teori tindakan. Weber menerangkan empat cara bagaimana tindakan diorientasikan. Pertama; rasional instrumen atau rasional

²² Lihat Anthony Giddens. Terj. (1985: 165), Stanislav Andreski (1989: 7-10), Edward L. P. (1992), Max Weber (1949: 42-45).

hasil. Untuk mencapai sesuatu, aktor harus mengambil kira tentang bagaimana mahu memperolehi hasil dan kepentingannya. Tindakan rasional ini berasaskan kepada pandangan bahawa dunia ini terorganisasi (diatur sedemikian rupa) dan apakah perantaraan yang perlu dipilih untuk memperolehi hasil yang diinginkan. Kedua; rasional value atau rasionaliti nilai. Melalui tindakan jenis ini berdasarkan nilai yang terkandung oleh tindakan aktor. Tindakan yang dilakukan tidak memperhitungkan kesan sebaliknya (kesan negatif) tetapi ‘tujuan’ nilai itu sendiri (contoh: protes). Untuk tindakan politik, strategi melalui rasional hasil (faedah atau kepentingan yang diperolehi) lebih berkesan berbanding rasional nilai (idealisme). Sebaliknya bagi menentang politik, tindakan yang berdasarkan nilai lebih penting.

Ketiga; adalah tindakan emosional, di mana tindakan ini merupakan ekspresi langsung yang lahir dari perasaan manusia. Keempat; Tindakan tradisional, tindakan jenis ini adalah sesuatu yang semula jadi kerana ia sering kali terjadi sebelumnya. Weber meletakan kedua-dua bentuk tindakan terakhir ini diperingkat bawah atau kurang berperanan besar kerana ia tidak berasaskan kepada gambaran kesedaran dan kerana keduanya tidak beroperasi serta tiada upaya merubah dunia. Kajian ini bersetuju dengan pendapat Weber yang terakhir ini dan oleh yang demikian dua bentuk tindakan yang terdahulu akan digunakan bagi membantu dalam menganalisis data.

1. 3. 2. 2 Konsep Nasionalisme Ekonomi.

Konsep nasionalisme ekonomi mula diketengahkan sebelum Perang Dunia Pertama (1914- 1918). Selepas Perang Dunia Kedua, konsep ini mula berkembang di Eropah. Tujuan konsep ini diperkenalkan adalah berkaitan masa depan dasar ekonomi negara Eropah yang mana telah diwujudkan ketika itu dasar proteksi, isolasi dan polisi ekonomi dengan tujuan untuk bersedia menghadapi beberapa permasalahan ekonomi. Tindakan ini diambil akibat terjadinya masalah ketidakseimbangan politik dan ekonomi di Eropah. Ketidakseimbangan kedua-dua ini memberi kesan yang mendalam terhadap keadaan sosio masyarakat Eropah. Terdapat beberapa pendapat tentang definisi nasionalisme ekonomi.²³ Kajian ini memilih definisi konsep nasionalisme ekonomi dari Frank H. Golay “*...economic nationalism refers to a system of national policies, that the relevant social unit is the nation state organized to pursue the national interest as identified through the political process...*” (Golay 1969: 1-2). Konsep nasionalisme ekonomi boleh dilihat sebagai landasan serta institusi yang dibentuk dengan tujuan untuk memastikan keberhasilan dalam pencapaian kebijakan material, kuasa dan kedaulatan. Ini bermakna negara boleh membuat polisi proteksi, isolasi, saradiri, perdagangan bebas, kerjasama antarabangsa atau apa sahaja yang diperlukan dengan tujuan untuk kepentingan negara (Golay 1969: 2).

Bagi negara mundur dan sedang membangun adalah wajar untuk menerapkan konsep nasionalisme ekonomi sebagai landasan dasar yang dapat menjadi kerangka

ekonomi negara berkenaan. Pembangunan ekonomi sesebuah negara adalah penting untuk mengawal ekonomi dalaman serta mengembangkan dan mendayagunakan potensi ekonomi dan sumber dalaman yang ada. Sebilangan negara Barat telah menjadikan konsep ini sebagai acuan untuk mengekalkan kemajuan dengan matlamat kebijakan masyarakat dan integrasi nasional (Yazid 1992: 4). Bagi negara Barat dan negara membangun, kedua-duanya mempunyai hambatan yang serupa dalam menangani permasalahan ekonomi sekiranya pendekatan ini digunakan. Bagi negara membangun yang mempunyai kedudukan ekonomi yang tidak stabil fokus utamanya adalah integrasi nasional dalam konsep nasionalisme ekonomi. Ini bermakna integrasi nasional ditinjau dari aspek politik, budaya, ekonomi, sosial dan perpaduan. Buktinya apabila setiap anggota masyarakat di negara berkenaan berusaha mencapai asas kewarganegaraan yang sama hasil dari keterpisahan dan ketidaksamaan yang wujud di antara lainnya (Yazid 1992: 7).

Apabila konsep ini digunakan untuk perancangan pembangunan ekonomi sesebuah negara, maka ia tidak lari dari memberikan tumpuan kepada masyarakat di negara berkenaan. Penekanan kepada masyarakat negara sendiri penting kerana perspektif nasionalisme ekonomi adalah luas kerana ia merangkumi reaksi masyarakat terhadap penggunaan kuasa dan institusi negara (politik) untuk mobilisasi potensikekayaan dan pendapatan negara untuk kepentingan anggota masyarakat yang mendominasi dalam negara berkenaan (Golay 1969: 8). Menurut Golay (1969) dan Yazid

²³ Keterangan tambahan lihat G. G. Hodgson (1933), Micheal A. Heilperin (1960), Gunnur Myrdal (1957) dan Harry G. Johnson (1965).

(1992) terdapat tiga elemen utama dalam nasionalisme ekonomi. Pertama; berkenaan dengan hubungan ekonomi antara negara dengan sebahagian negara lain untuk menjaga kedaulatan negara dan cuba mengasingkan ekonomi tersebut dari pengaruh asing. Kedua; ianya adalah hasil dari manifestasi dasar-dasar perluasan dan aturan dalam proses ekonomi dalaman dengan tujuan untuk menggerakkan kemampuan negara dan meningkatkan kebijakan dan kuasa melalui pembangunan ekonomi. Ketiga; konsep ini sebahagiannya turut dilihat sebagai satu perkongsian di antara setiap warganegara baik dari segi pemilikan, pengurusan maupun kawalan terhadap aset-aset negara yang produktif (Yazid 1992: 5 & Golay 1969: 6).

William Shaw memberikan empat butiran tentang nasionalisme ekonomi. Pertama; ia bertujuan membebaskan bahagian-bahagian terpenting ekonomi negara dari kuasa asing. Kedua; menguasai bahan-bahan utama yang bertujuan menguasai semua sumber yang ada dalam negara. Ketiga; memiliki negara secara langsung dengan maksud memiliki negara secara langsung dengan sumber dalaman. Keempat; melaksanakan pembelian banyak saham syarikat yang kemudian dijual kepada masyarakat yang dominan yang berada dalam negara berkenaan (Shaw 1977: 313-314).

Nasionalisme ekonomi dalam pengalaman Malaysia menurut Golay digambarkan seperti berikut;

"... Malayan economic nationalism is presently the nationalism of the Malay community, which is predominantly agricultural and rural... 74% were engaged in agriculture, forestry and fishing... The racial composition of the population creates a massive problem of integration if Malayan and Malaysian-nationality is to acquire significance"

appropriate to the social stability of the national society... the political dominance of the Malay community is offset by the economic dominance of the rational and Chinese population. The Malay image of integration attaches primary importance to effective economic equality among the Malays and Chinese... the Malays expect to use their monopoly of political power to promote the modernization and material progress of the Malay population..." (Golay 1969: 343).

Kenyataan Golay ini menunjukan bahawa masyarakat Melayu hanya menguasai kehidupan serba kekurangan yang jauh ketinggalan dari orang Cina. Oleh kerana orang Melayu merupakan etnik dominan di Malaya dan Malaysia kemudianya, masalah ketinggalan itu tidak timbul. Melalui nasionalisme ekonomi ini usaha mengatasi masalah ketinggalan dan kemiskinan orang Melayu dapat dilaksanakan. Menyentuh soal kemiskinan yang merupakan masalah utama masyarakat Melayu selepas merdeka terdapat beberapa tokoh tempatan menyedari hakekat ini. Za'ba berpendapat;

"... negara ini kaya dan menerima banyak rezeki dari Tuhan, tetapi orang Melayu tidak menerima apa-apa manfaat atau faedah dari kekayaan, pertanian, perdagangan, pembuatan kasut, kedai dobi, perniagaan getah, kedai kopi... itu bukan orang Melayu yang melakukannya..." (Yazid 1992: 19)

Berkaitan soal kemiskinan ini Ungku Aziz menyatakan bahawa kedudukan ekonomi orang Melayu adalah bentuk ekonomi tradisi;

"... 75% orang-orang Melayu bergantung hidup kepada pertanian atau perikanan... sedangkan sumbangan pendapatan dari keduanya adalah kecil... soal ekonomi orang Melayu yang besar ialah kemiskinan, maka perlu memperolehi pendapatan yang besar untuk memajukan perusahaan mereka iaitu bertani dan menangkap ikan..." (Ungku Aziz 1969: 6).

Berdasarkan pernyataan Golay dengan dibantu oleh kenyataan beberapa intelektual Melayu menunjukan bahawa masalah kemunduran, kemiskinan dan

ketinggalan orang Melayu telah muncul baik sebelum merdeka atau selepas merdeka. Oleh kerana dominasi kuasa politik dipegang oleh orang Melayu, maka usaha untuk mengatasi keadaan ini perlu dilaksanakan.

1 . 4 Tujuan Kajian.

Kajian ini akan meninjau peranan yang dimainkan oleh UMNO untuk menjamin kepentingan ekonomi orang Melayu khususnya yang berkaitan dengan perniagaan. Kajian ini tidak melihat secara terperinci tentang syarikat perniagaan milik UMNO atau mengenai aset yang dimiliki serta untung rugi yang telah dialami, tetapi kajian ini bertujuan melihat penglibatan UMNO sebagai pemangkin dalam dunia perniagaan sebagai satu dari peranan yang boleh dan mampu dimainkannya selaras dengan peranan dan kuasa politik yang ada padanya. Penyertaan UMNO dalam bidang perniagaan adalah sebagai langkah penggalak kepada orang Melayu untuk terlibat dalam bidang perniagaan bagi mencapai sasaran 30% penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan (Foad 198: 34).

Sebagai parti politik yang mempunyai kuasa, UMNO memiliki kuasa ekonomi kerana sumbangannya dalam memajukan bidang perniagaan khususnya yang disertai oleh orang Melayu. Kejayaan UMNO bukan sekadar meletakkan dasar kepada orang Melayu untuk terlibat dalam dunia perniagaan tetapi telah menghasilkan ramai ahli perniagaan Melayu dalam berbagai peringkat. Lantaran itu UMNO dilihat sebagai tempat untuk memperolehi keuntungan ekonomi dengan mengaut sebanyak mungkinkekayaan,

kemewahan, kemudahan dan lain-lain kesempatan. Usaha yang telah dimainkan oleh UMNO melalui peranannya dengan menyediakan dasar-dasar ekonomi yang ada kaitan dengan perniagaan untuk kepentingan orang Melayu, kemudiannya telah mendatangkan berbagai implikasi kepada sistem sosio-politik orang Melayu. Oleh yang demikian kajian ini juga akan melihat kesan dari hasil usaha UMNO itu terhadap sistem sosio-politik orang Melayu itu sendiri.

1. 5 Kajian Lepas

Dalam bidang penyelidikan dan akademik diakui adalah mustahil bahawa sesuatu hasil kajian dari ilmu pengetahuan itu adalah milik mutlak individu tertentu (Colingwood 1990) juga mustahil jika sesuatu isu sosial sains tidak pernah ditulis orang (Arnold J. Toneby : 1947). Oleh itu permasalahan yang diketengahkan untuk kajian ini memang pernah ditulis oleh beberapa sarjana yang kemudiannya dihasilkan dalam bentuk latihan ilmiah, tesis, desertasi dan seterusnya diubahsuai pula menjadi penerbitan ilmiah. Walau pun permasalahan peranan UMNO dan perniagaan pernah ditulis, namun setiap satunya mempunyai aspek tinjauan yang berbeza pula. Dalam kajian ini tumpuan utama adalah menelusuri secara historis peranan dan penglibatan UMNO dalam menyediakan dasar yang ada kaitan kepentingan perniagaan kepada orang Melayu serta melihat implikasi terhadap sistem sosio-politik orang Melayu.

Di antara kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini ialah yang ditulis oleh Fo'ad Sakdan, *Perniagaan Dan Politik Dalam UMNO*, (1987/1988). Beliau meninjau

bagaimana UMNO terlibat dalam perniagaan. Sebagai sebuah parti teras dalam kerajaan, UMNO telah menggunakan kuasa politiknya untuk mengembangkan sayap perniagaannya. Beliau turut melihat bagaimana UMNO membantu syarikat perniagaan yang bernaung di bawahnya. Kajian Fo'ad meninjau bagaimana UMNO menggunakan kuasa yang ada untuk membentuk beberapa dasar kerajaan dan kemudian menuju MARA, PERNAS dan UDA untuk kepentingan Melayu dan UMNO sendiri. Kesimpulannya kajian ini melihat perniagaan dalam parti (UMNO) sebagai suatu yang dominan di mana beliau telah menghuraikan dengan agak terperinci empayar perniagaan yang ada hubung kait dengan UMNO.

Sementara itu Edmund Terence Gomez, melalui *Politik Dalam Perniagaan: Pelaburan Korporat UMNO* (1990). Buku ini merupakan hasil dari desertasii Ph. D beliau di Universiti Malaya. Kajiannya telah membongkar hampir semua syarikat-syarikat yang bernaung di bawah UMNO. Kajian ini memaparkan beberapa syarikat yang bernaung di bawah UMNO sehingga kajian ini bersifat data-data yang terikat yang masih perlu huraian lanjut. Kajian Gomez ini dianggap salah satu tulisan yang membongkar rahsia empayar perniagaan UMNO dan pendedahan beberapa tokoh politik yang berperanan dalam UMNO. Gomez melihat UMNO bukan sahaja sebagai parti politik tetapi turut menjadi sebuah organisasi perniagaan. UMNO ditinjau sebagai parti yang membantu memperkayakan segelintir golongan korporat Melayu yang sedia ada melalui kepentingan masing-masing. Gomez tidak melihat peranan UMNO dengan lebih jauh kerana beliau lebih menekankan perincian beberapa syarikat yang bernaung di bawah UMNO dan implikasi dari sudut ekonomi. Buku kedua Gomez, *Political Business:*

Corporate Involvement of Malaysia Political Parties (1994). Buku ini merupakan himpunan beberapa kajian beliau yang terdahulu. Pada bahagian awal buku ini mengupas beberapa konsep politik, perniagaan dan politik wang. Tinjauan utama buku ini adalah tentang tiga buah parti utama dalam komponan barisan Nasional iaitu UMNO, MCA dan MIC yang terlibat dalam dunia perniagaan serta menyebarkan empayar perniagaan masing-masing. Gomez meninjau beberapa syarikat yang ada di dalam UMNO, MCA dan MIC secara ringkas tetapi ada hubung kait di antara satu dengan yang lainnya. Buku ini boleh dianggap sebagai mendedahkan dengan jelas empayar perniagaan yang terdapat dalam ketiga buah parti teras dalam Barisan Nasional.

Bruce Gale, Seorang warga Australia yang banyak menulis tentang ekonomi politik di Malaysia, melalui bukunya *Politics And Public Enterprise In Malaysia* (1984). Buku ini adalah dari tesis sarjana beliau di Universiti Monash. Mengupas beberapa pendekatan tentang politik dan perusahaan awam serta keadaan masyarakat dan politik Malaysia zaman British sehingga sekitar 1969. Tinjauan yang mendalam dalam buku ini ialah tentang beberapa institusi amanah seperti MARA, PERNAS, dan UDA. Tinjauan ketiga-tiga perbadanan ini meliputi sebab-sebab penubuhan, matlamat dan sasaran, perancangan, peranan dan kegiatannya. Tinjauan akhir buku ini adalah tentang hubungan perusahaan awam dengan Dasar Ekonomi Baru. Buku kedua dari Gale ialah *Political and Business: A Study of Multi Purpose Holding* (1985). Buku ini merupakan desertasi Ph. D beliau di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau adalah terhadap Multi Purpose Holding Berhad iaitu sebuah syarikat gergasi masyarakat Cina yang berada di bawah payung MCA. MPHB merupakan korporat induk bagi MCA yang

menjalankan bagi aktiviti perniagaan. Kajian ini menumpukan MPHB sebagai nadi kewangan parti MCA. Di bawah MPHB terdapat berbagai syarikat lain. Gale mengupas kepentingan parti politik terhadap perniagaan sebagai sumber kewangan untuk kegiatan-kegiatan parti. Kajian beliau turut menyentuh tentang bantuan MCA terhadap sumber kewangan UMNO pada peringkat awal iaitu sekitar 1960-an dan 70-an.

Pengkaji lain ialah Ahmad Atory Hussain, melalui bukunya *Politik Dan Dasar Awam Malaysia* (1996). Kajian buku ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu politik dan dasar-dasar kerajaan. Pada bahagian politik, tinjauan meliputi parti politik, aktor politik, peranan aktor dalam pembentukan dasar, kelakuan politik, peranan ahli politik, politik dan pentadbiran, campur tangan ahli politik dan akhir sekali tinjauan ringkas tentang UMNO. Di bahagian dasar-dasar pula melibatkan antaranya dasar pendidikan, dasar perindustrian, Rancangan Lima Tahun Malaysia, dasar penswastaan dan dasar persyarikatan. Untuk kajian ini, buku ini memberi sumbangan yang besar terutama pada bahagian politik dan beberapa dasar kerajaan yang ada kaitan dengan kajian.

Di samping itu terdapat beberapa hasil kajian lain yang dianggap turut menyentuh tentang kajian serupa tetapi hanya tertumpu kepada satu-satu aspek tertentu sahaja. Untuk maklumat lanjut sila lihat antaranya ialah; Popeneo (1968), *Malay Enterpreneur*, Jomo (1986), *A Question of Class; Capital, The State an Uneven Development in Malaya* Mohd. Fauzi Yaakob (1989), *Peniaga Dan Perniagaan Melayu: Kajian Di Kota Bharu, Kelantan*, Gomez (1991), *Money Politics In Barisan Nasional* , Yazid Abu (1992),

Nasionalisme Ekonomi Dan Pengamalannya Di Malaysia, Atory Hussain (1993), *Dimensi Politik Melayu 1980-1990*, Gomez (1994), *Political Business*, Gomez & Jomo K. S (1997), *Malaysia Political Economy; Politics, Patronage and Profits* dan Peter Searle (1999), *The Riddle of Malaysian Capitalism*.

1.6 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini beberapa metode digunakan untuk mencari penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang diutarakan. Metode utama adalah menggunakan kajian studi kepustakaan. Melalui kajian kepustakaan, rujukan sumber sekunder seperti buku, Latihan Ilmiah, Tesis, Desertasi, artikel, jurnal telah dilakukan. Diakui bahawa kajian ini banyak menggunakan sumber sekunder kerana terdapat banyak bahan yang berupa sumber sekunder yang meliputi sebahagian besar kajian ini. Bahan bertulis dari beberapa pusat sumber telah digunakan antaranya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Malaysia (Petaling Jaya), Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Seremban, Perpustakaan Awam Tanjung Karang, Pusat Sumber Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Sumber media cetak lain turut digunakan seperti akbar-akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian, *News Straits Times*, *The Star*, *Far Eastern Economic Review*, Aliran, Harakah, *Asia Weeks*, *Business Malaysia* dan Majalah Massa, Tamadun, Detik, Pemikir, Dewan Budaya dan internat. Kajian ini turut juga memanfaatkan sumber dari simpanan individu tertentu yang dapat menunjang beberapa aspek kajian ini. Antara simpanan individu berkenaan seperti buku-buku, salinan artikel dan jurnal, tesis dan desertasi (yang menjadi koleksi peribadi secara sah kerana sebagai penyelia).

Di samping menggunakan metode kajian kepustakaan, kajian ini dibantu juga melalui metode penyelidikan lapangan atau '*field research*'. Kajian lapangan yang dipilih adalah melalui kaedah temubual. Temubual yang dijalankan adalah dengan melibatkan beberapa tokoh politik veteran Melayu, tokoh politik semasa, golongan pemuda UMNO dan beberapa tokoh politik oposisi serta ahli perniagaan. Turut terlibat juga adalah beberapa ahli akademik yang dianggap pakar dalam bidang-bidang tertentu.

1. 7 Organisasi Penulisan.

Penulisan kajian ini terdiri daripada enam bab di mana setiap satunya terpecah kepada beberapa pecahan sub bahagian. Bab pertama adalah bahagian pendahuluan. Dalam bahagian ini beberapa sub bahagian terdiri dari pengantar, masalah kajian, bidang kajian, tujuan kajian, kajian lepas, metodologi kajian dan organisasi penulisan ini sendiri. Bab kedua adalah tentang latar belakang sosio-politik dan ekonomi masyarakat Melayu.

Dalam bab ini menyingkap beberapa latar belakang keadaan sosio politik orang Melayu sebelum dilancarkan Dasar Ekonomi Baru. Tinjauan bab ini turut memaparkan peristiwa 13 Mei 1969, Kongres Ekonomi Bumiputera dan DEB secara ringkas. Ini kerana ketiga peristiwa ini merupakan asas kepada pertumbuhan sosio ekonomi dan politik masyarakat Melayu seterusnya.

Bab ketiga meninjau tentang peranan UMNO terhadap perniagaan dan kepentingan sosio-ekonomi orang Melayu. Dalam bab ini disoroti konsep pembentukan dasar-dasar kerajaan serta peranan-peranan yang dimainkan oleh UMNO untuk menjana orang Melayu supaya turut terlibat dalam perniagaan. Kajian cuba meninjau beberapa dasar kerajaan yang ada kaitan dengan kepentingan sosiekonomi masyarakat Melayu yang kemudian membawa kesan kepada sosio-politik Melayu. Antara beberapa dasar-dasar yang dipilih ialah Dasar Pendidikan, Penyelarasaran Akta Industri, Dasar Pengswastaan, Dasar Persyarikatan, Dasar Pembangunan Nasional. Setiap dasar yang dipilih akan dilihat secara filiosofis tujuan, matlamat dan sasaran sebagai mempunyai keterkaitan terhadap kepentingan ekonomi dan yang memberi kesan kepada sosio-politik Melayu.

Bab empat, tinjauan dibuat tentang eksistensi UMNO secara kronologi tahap-tahap awal keterlibatannya dalam menangani masalah sosio-ekonomi orang Melayu, khususnya dalam bidang perniagaan. Dalam bab ini ditelusuri beberapa langkah awal yang dimainkan oleh UMNO untuk kepentingan ekonomi orang Melayu seperti pembentukan institusi-institut amanah seperti MARA, PERNAS dan UDA. Tiga aktor

utama yang berperanan penting dalam UMNO iaitu Tengku Razaleigh, Daim Zainuddin dan Dr. Mahathir dipilih. Di mana aktor-aktor berkenaan dianggap sebagai pengasas pembiagaan kepada UMNO. Bab kelima melihat implikasi terhadap sistem sosio-politik Melayu yang muncul dari langkah-langkah yang telah dimainkan oleh UMNO melalui bab-bab terdahulu. Bab ini mencakupi tinjauan terhadap perubahan pola politik Melayu dari tradisi ke kontemporer, dinamisme pola kepimpinan, kesinambungan elit politik Melayu, Melayu Baru, politik wang, kronisme dan nepotisme, krisis kepimpinan yang pernah terjadi di kalangan kepimpinan UMNO. Manakala bab enam adalah bab kesimpulan dari keseluruhan isi kajian. Dalam kesimpulan dimasukkan beberapa temuan kajian.